

25 OCT 2000

Najib-Jabatan

JABATAN HAL EHWAL VETERAN ATM AKAN DITUBUHKAN

KUALA LUMPUR, 25 Okt (Bernama) -- Kementerian Pertahanan akan menubuhkan Jabatan Hal Ehwal Veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) tidak lama lagi bagi menangani isu dan masalah pesara serta bakal pesara ATM dengan lebih berkesan.

Menteri berkenaan Datuk Seri Najib Tun Razak berkata penubuhan jabatan itu dipersetujui Kabinet 11 Okt lepas.

"Untuk meningkatkan usaha membantu mereka, kerajaan berpendapat jabatan yang akan ditubuhkan tidak lama lagi itu akan dijadikan pusat sehati bagi menyelaras dan memantau pengurusan pesara dan bakal pesara ATM dengan bantuan pelbagai pihak termasuk Perbadanan Hal Ehwai Angkatan Tentera (Perhebat), agensi-agensi kerajaan lain serta sektor swasta," katanya pada sidang media di sini, hari ini.

Katanya tugas jabatan itu antara lain memastikan masa depan para pesara terjamin, bertindak sebagai organisasi kawalselia serta penghubung antara agensi kerajaan, Perhebat dan pihak swasta supaya pesara ATM boleh mengetengahkan isu dan masalah melalui saluran yang disediakan.

Jabatan itu juga akan membuat perancangan supaya pesara ATM memperolehi peluang kerjaya kedua yang lebih baik dan menguruskan hal kebajikan lain serta berfungsi sebagai pusat maklumat kepada anggota-anggota veteran ATM.

Najib berkata jabatan tersebut akan ditempatkan di Kuala Lumpur dan akan mempunyai cawangan di peringkat negeri.

Katanya Kabinet juga telah bersetuju menubuhkan Majlis Penasihat Veteran ATM yang dipengerusikan beliau sendiri bagi menentukan dasar jabatan tersebut.

Majlis itu akan dianggotai timbalan-timbalan menteri dan anggota-anggota Exco kerajaan negeri yang berkaitan, pegawai-pegawai kanan Kementerian Pertahanan dan wakil-wakil dari agensi kerajaan dan swasta.

Ditanya adakah perbezaan peranan jabatan itu dengan Perhebat, Najib berkata Perhebat menumpukan kepada latihan dan kemahiran pada waktu peralihan sebelum seseorang tentera itu bersara bagi menyediakan mereka dengan kemahiran dan ilmu tertentu.

"Manakala tugas jabatan ini ialah menyelaras dan memantau kepentingan pesara itu selepas mereka bersara," katanya.

Katanya lagi, butiran terperinci mengenai penubuhan jabatan itu serta keperluan kewangannya telah diajukan kepada badan-badan seperti Kementerian Kewangan dan Jabatan Perkhidmatan Awam.

Diminta mengulas pengakuan Ketua Pemuda Parti Keadilan Nasional (Keadilan) Ezam Mohd Noor memburuk-burukkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di luar negara seperti yang tersiar di akhbar hari ini, Najib berkata tindakan itu adalah tidak wajar.

"Ini sesuatu yang tidak wajar dan tindakan memburuk-burukkan pemimpin negara di luar negara juga mencemarkan nama baik Malaysia," katanya.

Beliau yang juga Naib Presiden Umno berkata tujuan Ezam dan rakan-rakannya berbuat demikian adalah strategi untuk mendapatkan simpati dari luar bertujuan mengenakan tekanan antarabangsa kepada Malaysia.

Ezam dilaporkan mengaku memburuk-burukkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Amerika Syarikat dan Eropah.

Beliau dikatakan membuat pengakuan itu semasa berucap pada perhimpunan "Gerakan Mengembalikan Hak-Hak Rakyat" yang dianjurkan oleh Pas dan Keadilan di Batu Tiga Tandop dekat Alor Setar malam tadi.

--BERNAMA
APG MAM RI